

# Ekonomi Malaysia, ringgit tahan lasak

BH: Selasa 26/6/2007

## Perbendaharaan manfaat krisis kewangan 1997-1998

**E**KONOMI Malaysia kini kukuh dan mampu berdepan sebarang kemungkinan krisis selepas mendapat pengajaran berguna daripada krisis ekonomi 1997-1998, kata Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Beliau berkata, Malaysia tidak tahu bila krisis berikutnya akan muncul dan tidak ada siapa yang berani untuk menolak kemungkinan krisis akan berlaku dalam tempoh 50 tahun akan datang.

“Bagi saya, rantau ini secara am dan Malaysia khususnya sekarang sangat kukuh,” katanya pada sidang media selepas menyertai Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Timur, di Singapura, semalam.

Nor Mohamed adalah ahli panel pada forum berkenaan.

Beliau menegaskan, jika berlaku krisis ekonomi, Malaysia kini berada pada kedudukan yang kukuh untuk meminimumkan kesannya.

“Kita sudah mendapat pengajaran berguna. Ada dua jenis pengajaran, iaitu Barat mahu kita belajar dan kita sebenarnya belajar, tetapi secara peribadi saya tidak jangka krisis akan berlaku dalam tempoh terdekat ini,” katanya.

Nor Mohamed juga ditanya mengenai kedudukan ringgit dan sama ada Malaysia selesa dengan tahap nilai semasanya.

Sambil berkata bahawa kerajaan gembira dengan nilainya ketika ini, beliau berkata: “Ringgit bergerak dengan baik.”

Mengenai kadar faedah, Nor Mohamed berkata, tahapnya kini sesuai dengan sasaran pertumbuhan dan pembangunan kerajaan.

Sementara itu Nor Mohamed ke-


“Kita sudah mendapat pengajaran berguna. Ada dua jenis pengajaran, iaitu Barat mahu kita belajar dan kita sebenarnya belajar, tetapi secara peribadi saya tidak jangka krisis akan berlaku dalam tempoh terdekat ini”

**Nor Mohamed Yakcop**  
Menteri Kewangan Kedua

tika ditemui *Bernama* berkata, semua keputusan kerajaan membabitkan pelaburan berasaskan faktor ia adalah berhemat, selamat dan memberi pulangan munasabah kepada pelabur.

“Mana-mana keputusan kerajaan atau KWSP (Kumpulan Wang Simpanan Pekerja) adalah berasaskan kepada keselamatan dan ciri kecairan untuk memastikan pelabur dan pencarum KWSP tidak mengalami kerugian,” katanya.

Beliau diminta mengulas langkah KWSP baru-baru ini yang menegah ahlinya daripada melabur di dalam



**ISU PENTING:** Nor Mohamed bercakap pada Forum Ekonomi Dunia mengenai Asia Timur, di Singapura, semalam.

unit amanah luar negara yang menimbulkan rungutan di kalangan pencarum.

Mengenai rayuan sesetengah pihak terhadap keputusan KWSP itu, termasuk dari Persekutuan Pengurusan Amanah Saham Malaysia, Nor Mohamed berkata: “Kita kena tengok rayuan ini dalam konteks sama ada ia

sesuai dilaksanakan, dalam konteks keselamatan pelaburan dan kepentingan nasional.”

Beliau juga berkata, Malaysia menyediakan banyak peluang pelaburan.

“Kita harus memberi keyakinan kepada peluang pelaburan dalam negara,” katanya.

AFP